



## Fwd: MAKLUMAN BERKENAAN PENUTUPAN PENUH PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA (PPTGWPPj)

Bar Council <council@malaysianbar.org.my>

Tue, Jun 1, 2021 at 8:51 AM

----- Forwarded message -----

From: **farhan hassan** <farhan@ptgwp.gov.my>

Date: Tue, Jun 1, 2021 at 8:44 AM

Subject: MAKLUMAN BERKENAAN PENUTUPAN PENUH PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA (PPTGWPPj)

To: <council@malaysianbar.org.my>, <secretariat@sgorbar.org>, <klbc@klbar.org.my>

Cc: <ahmadfuad@ptgwp.gov.my>, <hazlindiana@ptgwp.gov.my>, <jailani@ptgwp.gov.my>

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa PPTGWPPj ditutup sepanjang tempoh penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi ataupun 'total lockdown' bermula 1 Jun 2021 sehingga dibenarkan beroperasi semula.

3. Sehubungan itu, perkara-perkara berikut akan dikuatkuasa bagi urusan-urusan yang berkaitan sepanjang tempoh tersebut:

i) Pengecualian denda lewat bagi perserahan urusanniaga yang tamat semasa tempoh total lockdown. Kelonggaran untuk mengemukakan perserahan urusanniaga ialah dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh akhir perserahan.

ii) Pengecualian denda lewat bagi kutipan hakmilik yang tamat semasa tempoh total lockdown. Kelonggaran untuk membuat kutipan hakmilik ialah dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh akhir yang ditetapkan.

iii) Surat Kebenaran Pindahmilik/Gadaian/Pajakan yang tamat tempoh semasa tempoh total lockdown diberi lanjutan masa selama satu (1) bulan dari tarikh tamat tempoh surat tersebut.

iv) Semua siasatan hakmilik hilang yang telah ditetapkan semasa tempoh total lockdown ditangguhkan dan pejabat ini akan mengeluarkan surat baharu apabila dibenarkan beroperasi semula.

v) Semua slot temujanji dari 1 Jun sehingga 7 Jun 2021 dibatalkan. Permohonan akan dibuka apabila dibenarkan beroperasi semula.

4. Pentadbiran ini memohon maaf di atas segala kesulitan yang timbul dipihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

(FARHAN BIN HASSAN)

b.p Pentadbir Tanah

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian

Wilayah Persekutuan Putrajaya

--